

24 MAR 2000

BAHAGIAN BEBAS CALONKAN SESIAPA, KATA RAFIDAH

KOTA KINABALU, 24 Mac (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata Pergerakan Wanita Umno bebas mencalonkan sesiapa sahaja bagi memimpin pergerakan itu tetapi ini tidak mencerminkan trend dalam bahagian-bahagian berkenaan.

"Sebenarnya, sesetengah bahagian Wanita Umno mungkin mencalonkan (orang tertentu) tetapi mereka tidak mengundi (bagi calon berkenaan)...itu soal lain," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri dialog pelaburan dan perdagangan, di sini.

Beliau diminta mengulas hasil mesyuarat perwakilan Wanita Kubang Pasu hari ini yang mencalonkan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman sebagai ketua pergerakannya.

Ketika ditanya sama ada beliau mendapati sebarang "isyarat" dalam pencalonan oleh bahagian Kubang Pasu, Rafidah berkata: "Tidak, saya tidak berpendapat demikian kerana bahagian-bahagian bebas membuat pencalonan."

Umno Bahagian Kubang Pasu diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ditanya mengenai jumlah pencalonan yang diperolehi setakat ini, Rafidah berkata, beliau berpuas hati kerana bahagian-bahagian telah mencalonkannya dan ini bermakna "mereka mahu saya kembali memimpin pergerakan wanita."

"Saya cuma menawarkan untuk meneruskan khidmat yang telah saya tinggalkan bagi memastikan kita menjadi tunggak parti," kata beliau.

-- BERNAMA

JS FAZ